

# MMIP Services Sdn. Bhd.

## profil korporat

MMIP Services Sdn. Bhd. (MSSB) adalah salah sebuah anak syarikat MNRB Holdings Berhad (MNRB). Ia diperbadankan pada 23 Mac 2006.

Pada 12 April 2006, Syarikat telah memulakan perniagaan mengurus Gembleran Insurans Motor Malaysia (MMIP atau Pool), dana yang diwujudkan oleh syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans, 1996. Gembleran ini diwujudkan untuk menyediakan insurans motor kepada pemilik kenderaan yang tidak dapat memperoleh perlindungan insurans untuk kenderaan mereka.

Berikutan penubuhannya, kewajipan dan fungsi Pengurus Pentadbiran bagi Gembleran ini dipindahkan daripada Malaysian Reinsurance Berhad kepada MSSB.

Pejabat berdaftar bagi MSSB terletak di Tingkat 6, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur. Buat masa ini, operasinya dikendalikan oleh 7 orang kakitangan yang dipinjamkan daripada Malaysian Reinsurance Berhad.

Kewajipan dan fungsi MSSB, termasuk, antara lain, mengendalikan pentadbiran, akaun, pelaburan gembleran ini serta rundingan tuntutan dan penyelesaian. Bagi rundingan dan penyelesaian tuntutan, MSSB telah diberi mandat untuk menyelesaikan kesemua tuntutan kecederaan tubuh badan dan kematian sehingga RM50,000.00 setiap satu. Tuntutan yang melebihi jumlah tersebut dirujuk kepada Majlis MMIP untuk keputusan lanjut.

MSSB turut bertanggungjawab untuk bertindak sebagai Setiausaha bagi kesemua mesyuarat Majlis MMIP dan menyimpan rekod, minit serta melaksanakan kesemua fungsi dan kewajipan yang mungkin ditugaskan Majlis MMIP.

## maklumat korporat

### Lembaga Pengarah

**Mustaffa Ahmad**  
Pengarah

**Norazman Hashim**  
Pengarah

### Setiausaha Syarikat

Lena Abdul Latif (LS 8766)

### Juruaudit

Ernst & Young  
Level 23A, Menara Milenium  
Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
Tel : 03-7495 8000  
Faks : 03-2095 5332

### Bank

Malayan Banking Berhad  
CIMB Bank Berhad  
Standard Chartered Bank (M) Berhad

### Pejabat Berdaftar

Tingkat 6, Bangunan Malaysian Re  
No. 17, Lorong Dungun  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2096 8006  
Faks : 03-2096 7006